



14 FEB, 2025

## Giat lombong bitcoin sampai rumah meletup

Harian Metro, Malaysia

**Kuala Lumpur**

Bunyi letupan dan asap yang keluar dari sebuah rumah di Lorong Cekara Purnama, Bandar Puncak Alam, dekat sini, membongkar kegiatan pemasangan mesin bitcoin secara salah di sebuah bilik di kediaman itu kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh Superintendant Mohd Hafiz Muhammad Nor berkata, Pusat Kawalan Daerah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sungai Buloh menerima panggilan daripada seorang wanita yang menyedari kejadian itu di rumahnya jirannya pada 11.41 pagi.

Beliau berkata, sebanyak 14 anggota daripada pasukan sukarelawan bomba Saujana Utama dan Bestari Jaya bersama dua jentera bomba dan sebuah kereta jenis Toyota Hilux dihantar ke lokasi dan kebakaran berjaya dipadamkan.

"Pihak bomba dan pasukan peronda polis yang hadir terpaksa memecah masuk rumah tersebut kerana tidak berpenghuni dan kebakaran berlaku di dalam sebuah bilik yang terdapat pendawaian diubah suai mengakibatkan litar pintas dan kebakaran.

"Susulan itu, sepasukan polis daripada Bahagian Siasatan Jenayah IPD Sungai Buloh dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Selangor telah ke lokasi pada 4.45 petang dan hasil permeriksaan mendapati kediaman terbabit membuat penyambungan elektrik secara haram bagi tujuan ak-



PASUKAN polis menjumpai sembilan mesin perlombongan bitcoin, sembilan kipas *blower* dan sebuah penghala (*router*) berjenama d-link.

### JIRAN TERKEJUT KEDIAMAN SEBELAH MELETUP

# Giat lombong bitcoin sampai rumah meletup

tiviti perlombongan bitcoin secara haram," katanya.

Mohd Hafiz berkata, polis menjumpai sembilan mesin perlombongan bitcoin, sembilan kipas *blower* dan sebuah penghala (*router*) berjenama d-link.

"Kami telah membuka satu kertas siasatan di bawah Seksyen 427 Kanun Kesekasaan kerana melakukan

khianat yang menyebabkan kerugian dan Seksyen 37(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan melakukan

penyambungan elektrik secara haram.

"Saya tegaskan bahawa kegiatan perlombongan bitcoin haram bukan sahaja melanggar undang-undang, tetapi juga memberi kesan buruk kepada eko-

nomi dan keselamatan masyarakat," katanya dan menambah penyambungan elektrik secara tidak sah boleh membawa risiko kebakaran.

Beliau berkata, orang awam yang mempunyai

maklumat berkenaan kejadian itu boleh hadir ke balai polis berdekatan atau menghubungi Penolong Pegawai Penyiasat Mohammad Nurizwan Hafiz Abd Halim menerusi talian 017-2494940.